

16 OCT 2000

Mahathir-Belanjawan

BELANJAWAN YANG BAIK MUNGKIN DENGAN SEDIKIT LEBIHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan adalah yang baik, mungkin dengan sedikit lebih.

Beliau berkata, setakat ini tidak dapat menjelaskannya dengan lebih lanjut, tetapi kepentingan rakyat telah diambil kira.

"Saya berpendapat ia adalah Belanjawan yang baik ... selalu kita fikirkan tentang rakyat," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen selepas mempengerusikan mesyuarat pra-majlis Anggota Parlimen Barisan Nasional sebelum bermulanya sesi Dewan Rakyat di sini pagi ini.

Beliau berkata kerajaan gembira kerana ekonomi telah pulih dan ini membolehkan kerajaan membentangkan belanjawan yang baik.

"Dan ia bermakna kita perlu menguruskan ekonomi dengan baik," katanya.

Ditanya sama ada Belanjawan itu akan memberikan sesuatu di luar jangkaan, beliau hanya ketawa.

Ketika ditanya satu lagi soalan sama ada kakitangan awam akan mendapat bonus setiap tahun, beliau sambil tersenyum berkata itu terpulang kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Berkaitan sama ada Belanjawan 2001 suatu defisit, beliau berkata "mungkin sedikit lebihan ... walaupun kenaikan harga minyak baru-baru ini menjadi masalah sedikit."

Dr Mahathir berkata Daim juga akan memberikan penjelasan berkenaan isu royalti minyak untuk negeri Terengganu, bagi menjawab usul yang akan dibuat oleh presiden Pas Datuk Fadzil Noor.

"Saya percaya ini akan dijawab oleh Tun Daim secara terperinci semasa beliau membentangkan Belanjawan," katanya.

--BERNAMA

MNY ZS RI